

**PROSIDING**

*Seminar*  
**POLITIK MALAYSIA**

**Penyunting**

Worran Hj. Kabul  
Shireen Haron  
Mat Zin Mat Kib  
Abdul Kadir Rosline

# **PILIHAN RAYA UMUM MALAYSIA KE-12: MEDIA ELEKTRONIK SEBAGAI PLATFORM PENYEBARAN MAKLUMAT**

*Mohd Shamsul Daud*

*Marlia Idrus*

*Jasmin Ilyani Ahmad*

## **ABSTRAK**

*Agenda pilihan raya yang diadakan oleh negara-negara yang mengamalkan sistem demokrasi adalah untuk memilih pucuk pimpinan terbaik sebagaimana yang dikehendaki oleh rakyat. Antara faktor yang mendorong kepada kegemilangan serta kemunduran mana-mana ahli politik mahupun parti politik bergantung pada sejauh mana sesuatu maklumat itu dimanipulasi sepanjang kempen Pilihan raya dijalankan. Seajar dengan itu, media cetak yang merupakan kaedah penyebaran maklumat yang diguna pakai secara konvensional sejak awal telah diperhebatkan lagi dengan kemunculan media elektronik seperti televisyen, radio dan komputer. Revolusi perkembangan medium penyebaran maklumat ini pula diperluaskan dengan kepesatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) yang mencetuskan satu fenomena baru penyebaran maklumat menerusi aplikasi atas talian (online) seperti blog, SMS, MMS dan lain-lain. Kecanggihan medium terbaru ini dilihat begitu berpengaruh dan meluas kerana maklumat dapat disampaikan dengan cepat, efektif dan efisien. Maka dengan itu, implikasi kepada pergantungan masyarakat terhadap kaedah baru ini berjaya mempengaruhi persepsi masyarakat tentang sesuatu perkara dan akhirnya akan memberi impak dalam proses pemilihan calon dan parti yang mereka inginkan. Gabungan medium penyaluran maklumat yang sangat unik dan bersifat global ini telah terbukti mempengaruhi persepsi dan tindakan rakyat sehingga Malaysia menyaksikan reformasi politik yang begitu ketara setelah keputusan Pilihan raya Umum Malaysia Ke-12 diumumkan.*

## **PENGENALAN**

Sistem pilihan raya adalah mekanisma yang menjadi teras kepada kehidupan demokrasi. Demokrasi ialah suatu bentuk kerajaan yang kuasa menggubal undang-undang dan struktur kerajaan adalah ditentukan oleh rakyat (Wikipedia, 2008). Dalam sistem demokrasi, undang-undang digubal samada oleh rakyat atau wakil yang dipilih oleh rakyat. Sesebuah negara atau kerajaan yang mengamalkan sistem demokrasi adalah dipanggil negara atau kerajaan demokratik.

Di Malaysia, pelaksanaan demokrasi berparlimen adalah sesuatu yang menjadi amalam dalam pucuk pimpinan kerajaan. Semasa ke semasa sistem demokrasi yang diamalkan di negara kita mula menampakkan kematangan apabila negara mengadakan titik perubahan yang besar dan berani menghadapi risiko politik kerana mengadakan program debat yang pertama di antara politik besar di Malaysia. Dengan adanya perdebatan seperti ini ia memberi ruang kepada rakyat untuk menilai

kematangan, kebijaksanaan dan keterampilan pemimpin-pemimpin politik mereka. Apabila proses ini dilakukan maka ia telah memberi gambaran bahawa amalan demokrasi di Malaysia masih lagi diamalkan tanpa keraguan dan seterusnya rakyat bebas dan boleh menilai pemimpin yang dipilih.

Pilihan raya umum ke-12 yang lalu, merupakan medan pertarungan parti-parti politik di Malaysia. Parti kerajaan yang telah mempelopori pucuk pimpinan kerajaan Malaysia setelah sekian lama menyaksikan satu perubahan dasar yang amat ketara tatkala kedudukannya yang seakan goyah. Ini adalah kerana gelombang yang telah dicetuskan oleh parti-parti alternatif yang giat menjalankan usaha bagi mendapatkan kepercayaan awam serta memudahkan kepercayaan rakyat terhadap kepimpinan pemimpin-pemimpin parti kerajaan. Dengan memperkukuh manifesto-manifesto kewujudan serta perjuangan parti mereka, sedikit sebanyak telah mampu untuk mengubah persepsi serta kepercayaan rakyat umum terhadap kewibawaan sesebuah parti politik mahupun seseorang pemimpin itu sendiri.

Rakyat Malaysia berbilang kaum dan lapisan telah menyatakan pendirian mereka dalam Pilihan Raya Umum ke-12 pada 8 Mac yang lalu dan telah membuat keputusan yang merupakan satu kejutan besar. Ia menunjukkan kematangan rakyat yang telah melaksanakan hak demokrasi masing-masing secara berhemah dan tertib, dengan mengekalkan situasi hubungan etnik yang aman serta kestabilan politik yang amat dihargai.

Keputusan pilihan raya ini menandakan satu perubahan besar dalam lanskap politik Malaysia dan menunjukkan bahawa sebahagian besar rakyat Malaysia sanggup melakukan perubahan. Keputusan pilihan raya kali ini juga menunjukkan keberkesanan media baru dalam membangkitkan massa rakyat serta memperluaskan ruang demokrasi di samping menunjukkan sikap kritis ramai pengundi terhadap media arus perdana.

Semua ini menandakan satu titik peralihan dalam sejarah Malaysia yang menunjukkan proses pematangan demokrasi selaras dengan aspirasi menjadi sebuah negara maju dalam abad ke-21 ini. Walau apapun erti penting keputusan pilihan raya ini, cabaran yang dihadapi oleh negara kita untuk maju ke hadapan sebagai sebuah negara yang bersatu memang cukup berat. Kerajaan yang baru dibentuk di peringkat Pusat dan Negeri perlu duduk bersemuka, atasi perpecahan, ketepikan perbezaan politik, berusaha keras menyatupadukan rakyat semua kaum, serta bersungguh-sungguh melaksanakan janji-janji pilihan raya mereka, khususnya memperbaiki kehidupan rakyat, mengembangkan ekonomi, membanteras rasuah dan salah guna kuasa serta mengembangkan budaya integriti, ketelusan dan pertanggungjawaban seperti yang dituntut oleh Pelan Integriti Nasional.

### **Maklumat dan Peranannya**

Maklumat adalah segala-galanya. Maklumat mempunyai kuasa yang kuat di dalam memberi pengaruh terhadap sesuatu situasi dan keadaan. Seperti apa yang telah berlaku dalam sejarah politik Malaysia dalam Pilihan raya Umum Ke-12 yang lalu, salah satu faktor penting yang mewujudkan implikasi itu adalah disebabkan oleh faktor maklumat yang mampu dan telah memaksa rakyat untuk bertindak dan membuat perubahan.

Maklumat telah menjadi satu desakan dan keperluan kerana ia merupakan jambatan kehidupan yang inovatif apabila sesebuah masyarakat itu dapat mempergunakan nilainya untuk perkembangan

intelektual secara kreatif dan berterusan. Keperluan maklumat adalah fitrah desakan dalaman manusia atau cetusan kehendak seseorang untuk mengetahui mahupun menyelesaikan sesuatu persoalan. (Haziah, Shamsul & Marlia, 2008). Kepentingan maklumat tidak boleh dinafikan sama sekali. Pembangunan intelektual dan kematangan fikiran setiap individu adalah bergantung kepada maklumat yang terdapat di sekeliling mereka. Kebolehan dalam memanipulasi serta memanfaatkan maklumat adalah satu kuasa yang mampu menentukan arah yang akan dituju berdasarkan kepercayaan serta keyakinan. Justeru, maklumat yang diebar serta disampaikan menjadi sempadan yang amat berpengaruh dalam melunaskan sesuatu perkara dalam aspek kehidupan. Dalam aspek Pilihan raya, semua pihak dalam setiap parti politik berlumba-lumba untuk menyebarkan maklumat kepada umum demi meraih kepercayaan serta keyakinan masyarakat terhadap parti masing-masing. Tidak ketinggalan juga maklumat yang disebarkan berbentuk fakta negative yang bertujuan untuk menghilangkan keyakinan masyarakat terhadap sesebuah parti. Ini adalah senario yang biasa terjadi acap kali musim Pilihan raya muncul. Dalam keghairahan parti-parti politik berkempen, pelbagai medium akan digunakan demi mencapai matlamat yang diinginkan.

Penyebaran maklumat melalui media elektronik telah digunakan secara optimum sebagai medium komunikasi di antara ahli politik dan juga rakyat. Melalui TV, suratkhbar, radio dan Internet parti-parti politik mengambil kesempatan untuk memberi penjelasan, penerangan bagi mengukuhkan sokongan mereka di negara Malaysia tercinta ini. Kecanggihan medium elektronik ini dilihat begitu berpengaruh dan meluas kerana maklumat dapat disampaikan dengan cepat, efektif dan efisien. Maka dengan itu, implikasi kepada pergantungan masyarakat terhadap ini berjaya mempengaruhi persepsi masyarakat tentang sesuatu perkara dan akhirnya akan memberi impak dalam proses pemilihan calon dan parti yang mereka inginkan. Gabungan medium penyaluran maklumat yang sangat unik dan bersifat global ini telah terbukti mempengaruhi persepsi dan tindakan rakyat sehingga Malaysia menyaksikan reformasi politik yang begitu ketara setelah keputusan Pilihan raya Umum Malaysia Ke-12 diumumkan.

## **PERANAN MEDIA ELEKTRONIK DALAM PROSES PILIHAN RAYA**

Pilihan raya adalah suatu proses meraih sokongan dan keyakinan rakyat bagi membolehkan seseorang calon dipilih mengetuai sesebuah kawasan-kawasan tertentu atau organisasi-organisasi tertentu, dengannya juga dipilih pimpinan sesebuah negara. Pilihan raya dan undi berobjektif dalam melantik pimpinan yang diyakini rakyat, dipercayai dan disenangi rakyat untuk diberi tugas dan amanah mengetuai pentadbiran kawasan dan negara.

Aspek berdakwah atau berkempen juga merupakan agenda yang tidak boleh dipandang enteng. Sejarah telah membuktikan bahawa di zaman Islam dahulu, Rasulullah s.a.w semasa di permulaan dakwah juga melakukan kempen bagi menerangkan kepada rakyat Mekah malah luar Mekah agar meyakini baginda dan seterusnya menganut Islam (Zaharuddin Abd Rahman, 2008). Justeru proses kempen adalah diterima dalam Islam selagi mana ia tidak berbohong melaluinya. Di zaman yang serba moden ini, amat perlu bagi rakyat untuk meneliti manifesto dan bukan hanya terpesona dengan rupa wajah calon yang bertanding serta kandungan percakapannya semasa kempen. Manifesto sepatutnya menjadi penentu utama samada kita diharuskan untuk mengundi seseorang calon itu atau tidak. Manifesto juga ibarat perlembagaan calon dan parti yang bertanding. Mungkin kita menemui manifesto yang menawan hati namun yang paling utama, aspek kemampuan peribadi calon perlu

dikaji dan diperhatikan juga. Secara praktikalnya, penentu peribadi kemenangan bagi calon sud tentulah agama yang dianutinya, corak pemikiran dan agenda perjuangan seseorang calon itu. Sebagai penganut agama Islam, kita tidak mahu bertanggung jawab kelak di akhirat kerana menaikkan calon yang menyukai kemaksiatan dan kederhakaan kepada Allah s.w.t.

Berbalik kepada kempen Pilihan raya yang dijalankan dalam meraih undi rakyat, media masamada media cetak atau pun media elektronik memainkan peranan yang amat penting dalam menjamin penyaluran maklumat yang telus serta membentuk rasa yakin dan kebolehpercayaan rakyat. Media elektronik seperti televisyen, radio dan komputer (*internet*) merupakan tiga medium media utama yang diperdebatkan kredibilitinya pada masa kini.

Menurut Santha Oorjitham dalam artikel bertajuk "Asiaweek Sahkan Media Utama Malaysia Tidak Boleh Dipercayai", antara perkara yang mengejutkan ialah keputusan kaji selidik ke atas kebolehpercayaan berita politik dalam media tempatan. Pada tahun 1999, radio menduduki tempat pertama, diikuti oleh akhbar dan televisyen. Tetapi, pada April 2002, televisyen mendapat kedudukan teratas, diikuti oleh media cetak dan radio manakala Internet (yang tidak dikaji dalam soal selidik 1990) berada di tempat terakhir (Santha Oorjitham, 2002). Peredaran zaman dan kemunculan teknologi telah merubah corak pemikiran dan penggantungan rakyat terhadap media-media pilihan utama mereka. Berdasarkan kajian yang telah dibuat, tidak dapat tidak kita nafikan bahawa televisyen telah menjadi medium penggantungan utama dalam menakluk hati rakyat untuk memilih wakil calon dari parti yang dapat menyuarakan hasrat dan pendapat mereka di parlimen. Televisyen melalui rancangan bercorak politik dan penghujahan seperti rancangan 'Hujah' dan 'Debat Perdana' yang ditayangkan di Radio Televisyen Satu (RTM 1) merupakan contoh platform pertukaran idea, pendapat, ideologi serta arus pemikiran yang berbeza di kalangan barisan calon pro kerajaan dan parti pembangkang Rakyat boleh menilai sendiri ketokohan, kredibiliti serta kebolehpercayaan lontaran pendapat dari tokoh-tokoh politik tidak kira dari parti kerajaan atau pembangkang yang menggunakan medium televisyen sebagai platform untuk mengengahkan agenda perjuangan ideologi masing-masing.

Prof. Syed Arabi Idid daripada Jabatan Komunikasi Universiti Islam Antarabangsa Malaysia telah menganalisa liputan media dalam tiga siri Pilihan raya lepas (tahun 1990, 1995 dan 1999). Hasil analisa yang dijalankan menunjukkan lebih banyak berita dalam Pilihan raya 1999 disiarkan di media-media utama seperti televisyen, radio dan komputer (*internet*) berbanding beberapa tahun sebelumnya. Menurut beliau, ini mungkin bertitik tolak dari minat yang bertambah di kalangan rakyat disebabkan isu Anwar (Dato' Seri Anwar bin Ibrahim) dan mungkin juga disebabkan faktor persaingan yang semakin meningkat di antara akhbar. Kaji selidik paling menarik oleh Prof. Syed Arabi Idid ialah analisa ke atas kebolehpercayaan media yang dijalankan. Dalam tahun 1990, 9% dari kaum Melayu yang telah ditemubual amat mempercayai berita politik yang mereka dengar di radio, 78% pula berkata mereka mempercayainya. Bagi suratkhbar, angkanya ialah 10.7% dan 73.8% masing-masing. Televisyen berada di kedudukan terakhir dengan 13.4% dan 73.1%. Kedudukan tiga media tersebut telah bertukar dalam kajian bulan April 2002. Kepercayaan kaum Melayu terhadap semuanya telah berkurangan, dimana 5.3% dari 398 orang yang ditemubual amat mempercayai apa yang dilaporkan di televisyen dan 63.8% mempercayainya. Suratkhbar dan radio boleh dikatakan merosot dan Internet (kategori baru) berada di kedudukan terakhir. Apakah yang cuba ditunjukkan oleh keputusan kajiselidik oleh Prof. Syed Arabi Idid berkaitan peranan media dalam penentuan agenda semasa Pilihan raya itu? Dapat disimpulkan, semakin banyak liputan dan semakin positif liputan tentang parti politik (Barisan Nasional contohnya atau parti-parti politik yang lain), tidak semestinya memberi lebih undi kepada parti tersebut. Selain itu, antara hasil kaji

selidik itu juga telah membuktikan bahawa kebanyakan rakyat sebenarnya telah pun membuat pilihan mereka masing-masing untuk memberi undi kepada parti yang pilihan mereka sebelum penamaan calon. Ini mungkin berhasil daripada pegangan, pemahaman, kepercayaan serta ideologi yang sedia wujud di dalam diri seseorang itu. Antara sedar atau tidak, rakyat sebenarnya tidak hanya bergantung kepada sumber-sumber arus perdana dalam mencorak pemahaman, prinsip dan pegangan masing-masing. Mereka juga boleh mendapatkan maklumat daripada media alternatif seperti suratkhbar parti (Harakah bagi PAS) dan juga melalui ceramah-ceramah politik yang dihadiri. Dalam fenomena ini, kita akan dapati golongan atas pagar mungkin akan dipengaruhi sepenuhnya oleh liputan media sepanjang tempoh kempen berlangsung atas faktor perang psikologi yang dikenakan ke atas mereka. Golongan atas pagar ini mungkin melihat kepada keperibadian calon atau arah kecenderungan masyarakat di persekitaran.

Dalam memperdebatkan isu peranan media dalam mencorak pemikiran rakyat dan pemilihan kerajaan yang bakal memerintah, adalah diharapkan Suruhanjaya Pilihan raya lebih berinisiatif dalam memantau kempen-kempen yang dijalankan menggunakan media massa, terutamanya media masa elektronik yang terang-terangan tidak adil dan hanya menyokong sesuatu parti politik utama semasa kempen Pilihan raya dijalankan. Cadangan yang diutarakan oleh Awang Sulung dalam ruangan 'Bisik-Bisik' dalam akhbar *Mingguan Malaysia* bertarikh 21 Julai 2002, agar stesen TV dan radio, terutama RTM1 dan TV3 agar tidak menjadi alat kempen parti politik. Sebaliknya, perlu mengambil pendekatan neutral dalam memberi hebahan dan saluran maklumat. Justeru itu, jika pendekatan yang diutarakan itu diambil, ini akan menjadikan Pilihan raya di Malaysia lebih demokratik, bukan bersifat berat sebelah atau menjadi alat pemerintahan yang menyamar mengamalkan demokrasi tetapi hakikatnya adalah sebaliknya.

### **Medium Terkini Penyebaran Maklumat**

Ia juga adalah media konvensional yang sangat biasa digunakan dalam masyarakat di negara ini dari zaman beroleh kemerdekaan sehingga kini. Namun begitu, kehadiran media elektronik banyak mempengaruhi keberjayaan media cetak. Antara media elektronik yang menjadi sumber penyaluran dan penyebaran maklumat yang utama adalah radio dan televisyen. Penyebaran maklumat kemudiannya diperhebat dan digahkan lagi dengan kemunculan penggunaan aplikasi Internet yang sangat meluas di semua peringkat usia. Bukan itu sahaja, teknologi ini diperkembangkan lagi dengan teknologi tanpa wayar menjadikan maklumat begitu mudah untuk dicapai walau di mana sahaja. Kemunculan pelbagai perkakasan tanpa wayar selari dengan teknologi ini memudahkan perkongsian, perbincangan, penyebaran dan penyaluran maklumat, dalam bentuk teks, grafik dan multimedia. Gabungan media yang sangat hebat ini yang bersifat global sebenarnya mampu mempengaruhi minda dan gaya pemikiran rakyat dalam medan Pilihan raya.

Gaya berkempen dalam Pilihan raya Umum Ke-12 baru-baru ini juga banyak dipengaruhi teknologi hebat dan popular ini. Banyak maklumat berkenaan Pilihan raya dihebahkan melalui teknologi ini daripada pelbagai pihak untuk tatapan sesiapa sahaja. Keadaan sebegini yang penuh dengan spekulasi boleh memecah-belahkan perpaduan atau pemahaman sesuatu bangsa dan negara. Jadi, pengundi hari ini yang rata-rata berpendidikan harus menggunakan ilmu pengetahuan dan kemahiran-kemahiran yang ada untuk membandingkan semua maklumat yang diperolehi sama ada betul atau tidak. Dapat disimpulkan bahawa media elektronik terutamanya media yang melibatkan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) yang kini menjadi dominan mampu mempengaruhi para pengundi dalam menentukan pemilihan calon pemimpin yang sesuai bagi kawasan mereka.

## FENOMENA MAKLUMAT ATAS TALIAN DAN CABARANNYA

Dewasa ini, penggunaan komputer yang semakin meluas di kalangan pengguna memungkink pelbagai teknologi komputer menjadi sebahagian dari kehidupan harian mereka, dari membeli bul sehingga membayar bil (Maria Nilsson, Anne Adams & Simon Herd, 2005). Melalui komputer yang disambung kepada Internet, dan kebanyakannya tanpa wayar, membolehkan pengguna menjalankan pelbagai aktiviti atas talian antaranya adalah seperti komunikasi melalui email (Wendy, 1988) yang membenarkan pengguna berkomunikasi antara satu sama lain melalui terminal komputer menjalankan transaksi bank, mendapatkan maklumat dan rujukan secara global dan memuat-tur fail.

Selain daripada itu, World Wide Web (WWW atau web) telah membawa satu perubahan yang besar dalam sektor peruncitan dan kewangan dengan membenarkan pengguna membeli-belah dan menjalankan transaksi kewangan melalui Internet (Kyung Kyu Kim & Bipin Prabhakar, 2004). Aktiviti-aktiviti ini boleh dilakukan di mana sahaja seperti di sekolah, universiti, tempat-tempat awam seperti lapangan terbang, restoran dan hospital. Selaras dengan itu, pelbagai perkakasan mudah alih dicipta dan digunapakai seperti Personal Digital Assistant (PDA), komputer riba dan telefon mudah alih bagi memudahkan lagi teknologi komunikasi dalam penyebaran dan perkongsian maklumat secara global.

Di samping itu juga, pelbagai aplikasi yang berasaskan kepada perkakasan-perkakasan ini wujud dan semakin dikembang dan diadaptasikan, antaranya adalah seperti aplikasi blog, yang membenarkan penghantaran maklumat, perbincangan atas talian dan pembentukan komuniti [blog identification]. Selain itu, khidmat pesanan ringkas (SMS) yang membenarkan pengguna untuk bertukar-tukar mesej teks yang pendek secara global (Petros Zerfos, Xiaoqiao Meng, Starsky H. Y Wong, Vidyut Samant & Songwu Lu, 2006.) melalui telefon mudah alih menjadikan teknologi komunikasi semakin canggih. Bukan itu sahaja, kepopularan SMS telah ditambah lagi dengan kemunculan perkhidmatan pesanan multimedia (MMS) yang membenarkan elemen media yang berbeza (termasuklah teks, gambar, audio dan video) digabung dan diselaraskan dalam mesej yang dihantar di antara perkakasan mudah alih (mms).

Walaupun begitu banyak kebaikan dan faedah yang dimungkinkan daripada penggunaan teknologi dalam kehidupan seharian, namun ia juga mendatangkan pelbagai masalah dan kekangan kepada pengguna secara umumnya. Ini adalah kerana Internet adalah capaian tanpa sempadan yang tidak terkawal. Pelbagai jenis maklumat dari seluruh dunia boleh dicapai melalui Internet secara global. Capaian maklumat tanpa sempadan ini mendatangkan pelbagai jenayah siber yang semakin berleluasa selaras dengan perkembangan dan peredaran teknologi yang sangat drastik ini. Menjelang Pilihan raya Umum Ke-12, syarikat antivirus terkemuka dunia Symantec mendapati kebiasaannya akan berlaku banyak serangan penggadam dalam sistem komputer dan Internet (Kharunnisa Sulaiman, 2008).

Rentetan dari jenayah tersebut, kebanyakan negara-negara di dunia telah menggubal akta-akta dan sistem perundangan siber serta memperbaiki sistem forensik komputer bagi mengatasi masalah ini, seperti capaian rangkaian yang tidak sah, capaian maklumat tidak sah dan lain-lain jenayah yang berasaskan teknologi komputer (Gary, B. & Misty, E.(2008). Sungguhpun begitu, aplikasi atas talian memerlukan sistem keselamatan yang sangat kukuh di samping penguatkuasaan undang-undang siber bagi menjamin kebolehpercayaan sistem tersebut.

## **Pengaruh Aplikasi Internet dalam Kempen Pilihan Raya**

Semenjak Pilihan raya tahun 1999 lagi, Internet telah menjadi satu kuasa baru di negara kita iaitu kuasa untuk menyampaikan maklumat alternatif dan ianya mempunyai impak yang amat besar kepada senario politik negara. Lanskap politik telah berubah dengan drastik berikutan revolusi media elektronik yang merubah kaedah pengumpulan dan penghantaran maklumat secara digital. Kehadiran aplikasi Internet dan rangkaian global ini sebenarnya telah membuka ruang luas terhadap era politik.

Melalui aplikasi Internet, pengguna boleh terus terlibat secara langsung dalam aktiviti-aktiviti politik dengan hanya berada di hadapan komputer yang disambung kepada talian Internet. Antara faktor perubahan gaya berkempen dalam Pilihan raya Umum Ke-12 ini adalah kehadiran calon baru dan muda yang lebih bersemangat untuk menonjolkan kelebihan masing-masing. (Mohd Khuzairi Ismail, 2008). Pelbagai aplikasi atas talian antaranya blog, email dan sms telah diadaptasi dalam aktiviti-aktiviti politik seperti manifesto politik, perang poster, ceramah politik, bantuan kewangan, kaedah membuang undi dan hebahan berita serta maklumat berkenaan Pilihan raya.

Pengaruh aplikasi Internet juga turut membawa isu-isu serta propaganda politik ke dunia digital. Dengan infrastruktur yang lengkap seperti rangkaian yang berkelajuan tinggi serta peralatan komputer yang canggih, kemunculan politik atas talian adalah trend yang pasti akan menyerlah.

Internet menawarkan peluang yang sangat menarik bagi ahli politik untuk menyebarkan kegiatan dan mesej politik dengan cepat dan murah. Sesiapa juga boleh menggunakan perkhidmatan Internet dan mengakses pelbagai informasi dan data tanpa sekatan memandangkan ianya tanpa had dan sempadan. Kemunculan teknologi tanpa wayar menjadikan aplikasi ini lebih popular dan boleh dilayari di mana sahaja pada bila-bila masa. Pengundi-pengundi boleh melayari laman-laman blog ini melalui teknologi tanpa wayar seperti dengan menggunakan perkakasan-perkakasan mudah alih seperti telefon mudah alih, komputer riba dan juga Personal Digital Assistant (PDA).

Aplikasi atas talian ini menjadi semakin popular di kalangan calon dari parti kecil yang jarang berpeluang untuk muncul di televisyen, radio atau akhbar atas masalah kesuntukan kewangan, pasti akan menggunakan medium Internet sebagai media alternatif. Mereka ini akan menggunakan ruang siber sebagai medan kempen Pilihan raya. Mereka boleh memuatkan manifesto Pilihan raya, senarai calon-calon yang bertanding serta video ceramah politik di blog masing-masing.

Pelbagai kaedah berkempen boleh diaplikasi antaranya memaparkan mesej politik dalam bentuk grafik dan animasi yang menarik bagi menawan hati pengundi. Maklumat yang disebarluas atas talian ini membolehkan pengundi membuat keputusan yang seimbang sebelum membuang undi.

Teknologi baru ini telah mula merubah kaedah berkempen dalam politik pada 1960an, apabila calon-calon telah menggunakan komputer buat pertama kali bagi tujuan pengurusan pangkalan data. (Stockwell, 2005). "Komputer kini berkuasa ke atas teknologi politik yang digunakan hari ini" (Stockwell, 2005), membantu kempen Pilihan raya "mengautomasikan pengurusan dana, mengawal bajet kempen, menguruskan sistem telefon dan menganalisa keputusannya, mengeluarkan surat, memastikan keberkesanan pengiklanan, menyusun-atur sukarelawan, menjalankan kajian ke atas pihak lawan dan polisi mereka, dan juga menyediakan bantuan sistem telefon untuk para pengundi." (Stockwell, 2005).



Dengan kemunculan Internet, kemudiannya pada awal 1990an ia telah membawa anjakan paradigma baru secara keseluruhannya kepada kekuatan teknologi komputer (Stockwell, 2005) yang membenarkan calon-calon untuk berinteraksi dengan para pengundi melalui kaedah yang belum pernah dilalui sebelum ini: “perubahan major teknologi adalah membenarkan pengaliran maklumat secara dua-hala.” (Stockwell, 2005).

Pengaruh Internet dalam Pilihan raya Umum Ke-12 baru-baru ini juga telah dibuktikan oleh Kerajaan Negeri Kedah apabila telah menubuhkan pusat media bagi memudahkan wartawan dan jurugambar media cetak dan elektronik membuat liputan. Pusat media yang dikendalikan oleh anak syarikat kerajaan negeri, Kedah Communication & Events (KCE) Sdn. Bhd. beroperasi setiap hari selepas Parlimen dan DUN dibubarkan. Pusat media yang beroperasi di Kediaman Rasmi Menteri Besar Kedah di Sre Mentaloon, telah dilengkapi kemudahan Internet, sistem Wifi dan bilik sidang akhbar. Pusat media ini juga turut menyediakan kemudahan faksimile, kenyataan akhbar dan data berkaitan pilihan raya umum dari pukul 8 pagi hingga 12 tengah malam setiap hari. (Utusan Malaysia 14 Februari 2008).

### **Propaganda Blog**

Blog merupakan salah satu daripada teknologi yang terkini dan yang terpanas membangun telah hadir ke bidang media sosial dan telah diadaptasi oleh parti politik serta calon-calon yang bertanding sebagai satu strategi komunikasi secara umumnya. Blog adalah “laman web jana-pengguna di mana kemasukan data adalah dalam bentuk jurnal dan ditayangkan dalam susunan kronologi yang terbalik” (Stanyer 2006). Blog tidak semestinya berasaskan teks. Terdapat juga blog-gambar, blog-video dan blog-audio. Melalui aplikasi blog pelbagai maklumat dalam pelbagai bentuk boleh dihantar antaranya adalah teks, gambar atau imej, audio, video, animasi dan grafik.

Terdapat banyak sebab dan alasan mengapa blog menjadi medium komunikasi yang popular di kalangan ahli politik. Salah satu daripadanya adalah kerana aplikasi blog “menawarkan ruang yang tidak diurus dan dikawal oleh sesiapa dalam kebanyakan hal” (Stanyer 2006, p. 405). Ahli politik atau sesiapa sahaja bebas memberikan pendapat dan maklumat berkaitan Pilihan raya dan aktiviti-aktiviti politik yang lain. Maklumat-maklumat atau mungkin juga khabar angin yang dimuatnaik ke Internet boleh diakses oleh sesiapa sahaja.

Selain daripada itu, sifat blog yang interaktif membenarkan pembaca memberi respon terhadap mesej yang disampaikan oleh penulis blog (Stanyer 2006, p. 405). Blog digunakan sebagai medium komunikasi dua-hala di mana penulis boleh berdialog dengan pembaca melalui laman blog tersebut (Simmons 2005, pp. 2-3). Di samping itu, blog boleh dihubungkan dengan blog yang lain yang akan membentuk rangkaian blog yang besar. Keadaan ini membolehkan ahli politik berkomunikasi dengan lebih efektif dan efisien. Segala maklumat yang disampaikan boleh dikongsi dan disebar kepada pengundi-pengundi secara amnya.

### **SMS dan Pilihan Raya**

Calon-calon yang bertanding dalam Pilihan raya Umum Ke-12 mula menyusun strategi berkempen sebaik sahaja Parlimen dibubarkan. Pilihan raya Umum Ke-12 memang berbeza apabila kebanyakan parti menggunakan khidmat pesanan ringkas (SMS) sebagai cara berkempen paling berkesan, cepat, murah dan praktikal. Walaupun ia adalah cuma medium kecil dari teknologi komunikasi, namun impaknya adalah amat besar kepada proses demokrasi.

Menurut Utusan Malaysia bertarikh 19 Februari 2008, Timbalan Ketua Bahagian UMNO Batu Sapi, Sabah, Datuk Samsudin Yahya berkata, jentera UMNO Dewan Undangan Negeri (DUN) Sekong di Sabah menggunakan SMS sebagai cara untuk berkempen kepada 11,000 pengundinya. Cara berkempen melalui SMS sangat mudah dan boleh dihantar kepada sesiapa sahaja tanpa batasan. Penerima SMS juga boleh menghantar mesej yang diterima kepada ramai pengguna lain. “Kini dengan SMS, penduduk di pedalaman tidak perlu bersusah payah ke bandar serta menghabiskan masa dan wang untuk menyemak kedudukan mengundi mereka,” katanya kepada Utusan Malaysia. Selain itu, kemudahan SMS juga disediakan bagi pengundi untuk memeriksa pusat mengundi masing-masing. Pemuda UMNO juga menggunakan khidmat pesanan ringkas (SMS) yang bukan sahaja pantas tetapi murah untuk menghantar maklumat secara pantas kepada ahli-ahlinya (Utusan Malaysia, 2008).

## CADANGAN-CADANGAN

1. pengubalan dan penguatkuasaan undang-undang siber. Terdapat 5 Undang-Undang Siber di Malaysia yang telah dikuatkuasakan iaitu:
  - a. Digital Signature Act 1977
  - b. Communications & Multimedia Act 1998
  - c. Copyright (Amendment) Act 1997
  - d. Computer Crimes Act 1997
  - e. Telemedicine Act 1997
2. sekatan kerajaan terhadap penyebaran maklumat yang negatif melalui blog/SMS/email
3. memastikan arus perdana terus diminati rakyat supaya mereka tidak beralih kepada media alternatif yang tiada kawalan

## KESIMPULAN

Disebabkan media elektronik mempunyai pengaruh yang begitu penting, maka banyak parti telah menggunakan kedua-dua bentuk media ini sebagai instrumen propaganda bagi memperkukuhkan kedudukan mereka pada kacamata rakyat.

## RUJUKAN

- Gary, B. & Misty, E. (2008). *Discovering Computers 2009 Complete*. Course Technology, Cengage Learning
- Haziah Saari, Mohd Shamsul Daud & Marlia Idrus, *Information Needs for the Deaf Community in Malaysia: Drastic Momentum is needed*. Paper presented at the International Conference of Social Science and Humanities, Malaysia: University Science Malaysia, Penang
- Kharunnisa Sulaiman, (2008, March 6). *Waspada Serangan Siber Semasa Pilihan raya*. Utusan Online

- Kyung Kyu Kim & Bipin Prabhakar, (2004). *Initial Trust and the Adoption of B2C e-Commerce: The Case of Internet Banking*. ACM SIGMIS Database, Vol. 35, Issue 2, 2004, 50 – 64.
- Maria Nilsson, Anne Adams & Simon Herd, (2005). *Building Security and Trust in Online Banks*. ACM 1-59593-002-7/05/0004. April 2–7, 2005, 1701 – 1704.
- Mohd Khuzairi Ismail, (2008, March 8). Perubahan Gaya Kempen. *Utusan Online*.
- Petros Zerfos, Xiaoqiao Meng, Starsky H.Y Wong, Vidyut Samanta & Songwu Lu, (2006). *A Study of the Short Message Service of a Nationwide Cellular Network*. ACM 1-59593-561-4/0010, October 25–27, 2006, 263 – 268.
- Santha Oorjitham, *Asiaweek Sahkan Media Utama Malaysia Tidak Boleh Dipercayai*, (2002).
- Simmons E. (2005), *'the Impact of the Weblog: A Case Study of the United States and Iran'* unpublished Senior Thesis (Hons), The Ohio State University, Retrieved February 26, 2006 from <https://kb.osu.edu/dspace/bitstream/1811/371/1/BlogImpact.pdf>.
- Stockwell S, (2005). *Political Campaign Strategy – Doing democracy in the 21st century*. Australia: Scholarly Publishing Ltd, Melbourne.
- Stanyer J, (2006). *'Online campaigning communication and the phenomenon of blogging – An analysis of web logs during the 2005 British general election campaign'*, *Aslib Proceedings: New Information Perspectives*, Vol 58, Number. 5, Emerald Group Publishing Limited.
- Wendy E. Mackay, (1988). *Diversity in the Use of Electronic Mail: A Preliminary Inquiry*. ACM Transaction on Office Information System, Vol. 6, No.4, October 1988, 380 – 397.
- Zaharuddin Abd Rahman, *Isu Undi, Pilihan raya & Wakil Rakyat*. (2008).